A

LIW WAN SIONG & SATU LAGI

lwn.

RASHID SIHES & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
AHMADI ASNAWI PK
[GUAMAN SIVIL NO: 22-116-2006]
17 SEPTEMBER 2008

C ***PERSATUAN TAK DIPERBADANKAN:*** *Kelab - Ahli - Penyingkiran ahli - Rayuan terhadap keputusan penyingkiran ahli - Sama ada plaintif-plaintif terikat dengan s.24 Akta Pembangunan Sukan 1997 - Sama ada plaintif mempunyai cause of action terhadap defendan - Sama ada A. 18 k. 19 (a-d) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980*
D *mempunyai asas untuk diinvoke*

PROSEDUR SIVIL: *Pembatalan - Tuntutan - Permohonan membatalkan tuntutan plaintif - Sama ada tindakan plaintif terhadap defendan satu penyalahgunaan proses mahkamah - Sama ada plaintif*
E *jelas menunjukkan cause of action terhadap defendan - Sama ada A. 18 k. 19 (a-d) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 mempunyai asas untuk diinvoke*

Melalui saman pemula (lampiran 21), defendan-defendan telah memohon supaya tuntutan plaintif ditolak kerana mahkamah tidak
F mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes ini menurut ss. 23 dan 24 Akta Pembangunan Sukan 1997 dan/atau secara alternative untuk tuntutan-tuntutan plaintif dibatalkan menurut O. 18 r. 19(1) (a-d) Rules of the High Court 1980 kerana tiada mendedahkan apa-apa kausa tindakan terhadap defendan-defendan
G dan/atau satu penyalahgunaan proses mahkamah. Plaintif-plaintif merangkumkan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada tarikh-tarikh 4 September 2005, 6 September 2005 dan 7 September 2005 yang menyebabkan penggantungan keahlian mereka sehinggalah kepada penyingkiran mereka sebagai ahli Kelab pada 15 Februari
H 2006 sebagai satu event dan dengan itu Perlembagaan Kelab 1995 sebelum Kelab didaftarkan dengan Pesuruhjaya Sukan pada 13 September 2005 hendaklah terpakai (Perlembagaan Kelab selepas Kelab didaftarkan dikenali sebagai 'Perlembagaan 2005'). Menurut plaintif-plaintiff, avenue mereka untuk 'seek redress'
I selepas penyingkiran mereka melalui proses rayuan dalaman masih

terpelihara di bawah Perlembagaan 1995. Dengan itu, plaintif-plaintif adalah tidak terikat dengan s. 24 Akta Pembangunan Sukan untuk merujukkan pertikaiannya kepada Menteri. Walaubagaimanapun, defendan-defendan menyatakan penyingkiran plaintif-plaintif sebagai ahli Kelab adalah peristiwa tunggal yang tidak ada kena mengena dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum itu. Dengan itu, peristiwa penyingkiran plaintif-plaintif dan peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas Kelab didaftarkan dengan Pesuruhjaya Sukan (pada 13 September 2005) hendaklah dirungkai melalui Perlembagaan baru iaitu Perlembagaan 2005. Isu yang timbul adalah sama ada Akta Pembangunan Sukan 1997 atau Societies Act 1966 yang terpakai.

Diputuskan (menolak permohonan defendan-defendan):

(1) Tidak ada keperluan bagi plaintif-plaintif untuk merujuk kes mereka kepada Menteri di bawah s. 24 Akta Pembangunan Sukan kerana perlembagaan tidak langsung merujuk kepada Akta berkenaan. Sebaliknya, art. XXVI(B) dalam exh. WCP2 dengan jelas merujuk kepada Societies Act. Dengan itu, apa-apa isu yang berbangkit hendaklah dirungkaikan melalui mechanisma dalam Societies Act 1966. (perenggan 4)

(2) Perkataan yang digunakan dalam s. 24 Akta Perlembagaan Sukan 1997 adalah 'may' dan bukan 'shall'. Adalah sesuatu yang trite bahawa perkataan 'may' tidak membawa maksud mandatori. Plaintif-plaintif masih mempunyai pilihan sama ada merujukkan pertikaian kepada menteri atau sebaliknya membawa kesnya ke mahkamah. Lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana Perlembagaan Kelab tidak mempunyai Lembaga Rayuan untuk merayukan keputusan yang dibuat oleh General Committee. (perenggan 8)

(3) Seksyen 24 Akta Perlembagaan Sukan 1997 juga membenarkan kelab itu sendiri merujukkan pertikaiannya kepada Menteri. Tidak perlulah menunggu plaintif-plaintif untuk berbuat demikian. Soalnya Kelab tidak berbuat demikian. Lebih-lebih lagi dalam keadaan plaintif-plaintif telah beberapa kali merayu kepada Kelab untuk reinstate mereka. Kelab boleh bertimbangrasa dan bertindak secara proaktif. Tidak memadai untuk Kelab hanya menyatakan '... that decisions of the general committee under art.X of the Constitution are final and there can be no going back on them ...' (exh. LC21). Ini

bukanlah semangat s. 24 digubal. Untuk menjaga keharmonian dalam dunia sukan, kedua-dua pihak seharusnya bersama-sama berusaha untuk merungkai apa-apa masalah yang berbangkit. Seksyen 24 sewajarnya dibaca dan ditranslatekan dalam semangat yang sedemikian. (perenggan 8)

(4) Pleading plaintif-plaintif jelas menunjukkan mereka mempunyai cause of action terhadap defendan-defendan walaubagaimana lemah sekali pun kes mereka. Nyata sekali O. 18 r. 19 (a-d) tidak mempunyai asas untuk diinvoke dalam kes ini. (perenggan 9)

Kes-kes yang dirujuk:

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. UMBC Bhd [1993] 4 CLJ 7 SC ***(dirujuk)***

Chin Mee Keong & Ors v. Pesuruhjaya Sukan [2007] 5 CLJ 363 CA ***(dirujuk)***

Honan Plantations Sdn Bhd v. Kerajaan Negeri Johor & Anor [1998] 3 CLJ 253 CA ***(dirujuk)***

Majlis Peguam & Anor v. Tan Sri Dato' Mohamed Yusoff Mohamed [1997] 3 CLJ 332 HC ***(dirujuk)***

Zakaria Mohamed Esa v. Dato' Abdul Aziz Ahmad & Ors [1984] 1 LNS 92 ***(dirujuk)***

Perundngan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19(1)(a-d)
Sports Development Act 1997, ss. 23, 24

Bagi pihak responden/plaintif - Julie Lim; T/n Julie Lim Vasanthan & Co
Bagi pihak defendan/perayu - Mandave Singh Gill; M/s K Sila Dass & Partners

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi PK:

[1] Lampiran 21, saman pemula oleh defendan-defendan supaya tuntutan plaintif ditolak kerana mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes ini menurut ss. 23 dan 24 Akta Pembangunan Sukan 1997 dan/atau secara alternative tuntutan-tuntutan plaintif dibatalkan menurut O. 18 r. 19(1)(a-d) Rules of

the High Court 1980 kerana tiada mendedahkan apa-apa kausa tindakan, terhadap defendan-defendan dan/atau remeh, menyusahkan dan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

Keputusan

[2] Terdapat dua versi Perlembagaan Kelab setelah Kelab didaftarkan dengan Pesuruhjaya Sukan pada 13 September 2005:

(i) Versi yang dikemukakan oleh plaintif (exh. WCP2) yang dimeterai Pesuruhjaya Sukan Malaysia. Artikel XXVI (b) WCP2 memperuntukkan "... shall, subject to the provisions of the Societies Act 1966".

(ii) Versi yang dikemukakan oleh defendan seperti exh. "LC23". Artikel XXVI (2) memperuntukkan "... shall, subject to the provisions of the Sports Development Act 1997 ..." Akta Pembangunan Sukan 1997 memperuntukkan sesuatu pertikaian itu "may" dirujuk kepada Menteri sekiranya perkara tersebut tidak boleh diselesaikan mengikut prosidur-prosidur dalaman Kelab.

[3] Defendan-defendan gagal untuk menjelaskan perbezaan-perbezaan dalam kedua-dua artikel di atas. Dalam keadaan begini, ke manakah plaintif-plaintif harus pergi untuk menyelesaikan masalahnya dengan Kelab iaitu samada mengikut Societies Act atau Akta Pembangunan Sukan? Ini merupakan satu isu yang besar yang memerlukan pendengaran yang penuh dan tidak sesuai diputuskan melalui keterangan-keterangan afidavit. Nyata sekali hak-hak plaintif-plaintif telah terjejas dan terprejudis dengan perbezaan kandungan-kandungan artikel-artikel di atas.

[4] Seterusnya plaintif-plaintif mendakwa Perlembagaan Kelab WCP2 hendaklah dipakai dalam pertikaian ini kerana Perlembagaan inilah yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan serta dimeterai oleh Pesuruhjaya Sukan. Dalam keadaan begini tidak ada keperluan bagi plaintif-plaintif untuk merujuk kes mereka kepada Menteri di bawah s. 24 Akta Pembangunan Sukan seperti dihujahkan oleh defendan-defendan kerana perlembagaan tidak langsung merujuk kepada Akta berkenaan. Sebaliknya Artikal XXVI (b) dalam WCP2 dengan jelas merujuk kepada Societies Act. Dengan itu apa-apa isu yang berbangkit hendaklah dirungkaikan melalui mekanisma dalam Societies Act. Saya bersetuju dengan hujahan ini.

[5] Plaintif-plaintif merangkumkan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada 4 September 2005, 6 September 2005, 7 September 2005 dan peristiwa-peristiwa lain yang menyebabkan penggantungan keahlian mereka sehinggalah kepada penyingkiran mereka sebagai ahli Kelab pada 15 Februari 2006 sebagai satu event dan dengan itu Perlembagaan Kelab 1995 sebelum Kelab didaftarkan dengan Pesuruhjaya Sukan pada 13 September 2005 hendaklah terpakai (Perlembagaan Kelab selepas Kelab didaftarkan dikenali sebagai "Perlembagaan 2005"). Dengan itu di bawah Perlembagaan 1995 bermula dari awal lagi, kapten Kelab tidak mempunyai kuasa untuk menggantung plaintif-plaintif ke atas kejadian yang berlaku pada 4 September 2005 dan tindakan-tindakan lain yang diambil oleh General Committee selepas tarikh itu hingga menyebabkan penyingkiran plaintiff tidak mempunyai asas dibawah Perlembagaan 1995. Begitu juga avenue plaintif-plaintif to seek redress selepas penyingkiran mereka melalui proses rayuan dalaman masih terpelihara di bawah Perlembagaan 1995. Dengan itu plaintif-plaintif adalah tidak terikat dengan s. 24 Akta Pembangunan Sukan untuk merujukkan pertikaiannya kepada Menteri (sekiranya Perlembagaan 2005 seperti ditunjukkan dalam exh. LC23 diterima sebagai teks yang sahih).

[6] Walau bagaimanapun defendan-defendan melihat insiden-insiden berkenaan secara satu persatu in isolation. Penyingkiran plaintif-plaintif sebagai ahli Kelab adalah peristiwa tunggal yang tidak ada kena mengena dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum itu. Dengan itu peristiwa penyingkiran plaintif-plaintif dan peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas Kelab didaftarkan dengan Pesuruhjaya Sukan (pada 13 September 2005) hendaklah dirungkai melalui Perlembagaan baru, iaitu Perlembagaan 2005. Namun isunya kembali kepada isu samada Akta Pembangunan Sukan 1997 atau Societies Act 1966 yang terpakai memandangkan wujud dua versi dalam Artikel XXVI seperti dinyatakan di atas. Saya berpendapat isu-isu ini tidak wajar diputuskan melalui keterangan afidavit kerana wujudnya percanggahan-percanggahan fakta dan peruntukan Perlembagaan di antara plaintif-plaintif dan defendan-defendan.

[7] Seksyen 24 Akta Pembangunan Sukan 1997 memperuntukkan:

> Where a dispute cannot be resolved under the internal procedure referred to in subsection 23, any aggrieved member or the sports body itself may refer the dispute to the minister for resolution.

[8] Perkataan yang digunakan adalah "may" dan bukan "shall". Adalah sesuatu yang trite bahawa perkataan "may" tidak membawa maksud mandatori. Plaintif-plaintif masih mempunyai pilihan samada merujukkan pertikaian kepada menteri atau sebaliknya membawa kesnya ke mahkamah.

Otoriti:

(i) *Majlis Peguam & Anor v. Tan Sri Dato' Mohamed Yusoff Mohamed* [1997] 3 CLJ 332.

(ii) *Chin Mee Keong & Ors v. Pesuruhjaya Sukan* [2007] 5 CLJ 363.

Lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana Perlembagaan Kelab tidak mempunyai Lembaga Rayuan untuk merayukan keputusan yang dibuat oleh General Committee. Dilihat dari aspek lain, s. 24 juga membenarkan Kelab itu sendiri merujukkan pertikaiannya kepada Menteri. Tidak perlulah menunggu plaintif-plaintif untuk berbuat demikian. Soalnya kenapa Kelab tidak berbuat demikian. Lebih-lebih lagi dalam keadaan plaintif-plaintif telah beberapa kali merayu kepada Kelab untuk reinstate mereka seperti surat-surat mereka bertanda LC19, WCP7 dan WCP7B. Kelab boleh bertimbangrasa dan bertindak secara proaktif dengan memanjangkan rayuan mereka kepada Menteri. Tidak memadai untuk Kelab hanya menyatakan "... that decisions of the General Committee under Article X of the Constitution are final and there can be no going back on them ..." (di exh. LC21). Ini bukanlah semangat s. 24 digubal. Untuk menjaga keharmonian dalam dunia sukan kedua-dua pihak seharusnya bersama-sama berusaha untuk merungkai apa-apa masalah yang berbangkit. Seksyen 24 Akta sewajarnya dibaca dan di translatekan dalam semangat yang sedemikian.

[9] Saya berpuashati bahawa pliding plaintif- plaintiff jelas menunjukkan mereka mempunyai cause of action terhadap defendan-defendan walaubagaimana lemah sekali pun kes mereka dan berdasar kepada alasan-alasan di atas, nyata sekali O. 18 r. 19(1)(a-d) tidak mempunyai asas untuk di invoke dalam kes ini.

Otoriti:

(i) *Bandar Builder Sdn Bhd & 2 Ors v. UMBC Bhd* [1993] 4 CLJ 7.

A

(ii) *Zakaria bin Mohamed Esa v. Dato' Abdul Aziz bin Ahmad & Ors* [1984] 1 LNS 92.

(iii) *Honan Plantations Sdn Bhd v. Kerajaan Negeri Johor & Anor* [1998] 3 CLJ 253

B

[10] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas saya menolak permohonan defendan-defendan melalui Lampiran 21 dengan kos.

C

D

E

F

G

H

I